

TEKS UCAPAN
SETIAUSAHA PERBANDARAN MPSP
MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2015
9 MEI 2015 (SABTU), JAM 2:30 PETANG
AUDITORIUM MPSP

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,
Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Encik Choo Eng Hin

Pengarah Urusan Delta Business Solutions Sdn Bhd

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Petang

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada petang ini untuk Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2015. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Tuan Phee Boon Poh, Encik Choo Eng Hin, Pengarah Urusan Delta Business By Nature dan semua yang hadir pada petang ini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Untuk makluman tahun ini adalah tahun ketiga MPSP mengadakan Anugerah Komuniti Mampan. Pada tahun ini Anugerah ini ditaja oleh Delta Business Solutions Sdn Bhd dengan memperuntukan hadiah tunai sebanyak RM13,700.00. Dalam tahun 2013 sebanyak 10 pertubuhan menyertai pertandingan ini dan tahun 2014 sebanyak 14 penyertaan dan pada tahun 2015, MPSP mensasarkan tidak kurang dari 20 penyertaan.

Syarikat Delta Business Solutions Sdn Bhd telah bekerjasama dengan Pasukan Kerja LA21 mengadakan program sejak tahun 2013. Dalam

tahun 2013 Majlis dan Syarikat Delta Business Solutions Sdn Bhd telah mengadakan projek pelepasan benih ikan di Pengkalan Machang, Sg Dua dan peningkatan penangkapan ikan di Sg Perai. Manakala pada tahun 2014 pula telah mengadakan program membuat bebola tanah di tebing Kolam Teratai Sg Rambai bagi peningkatan kualiti air kolam. MPSP amat berterima kasih kepada Syarikat Delta Business Solutions Sdn Bhd kerana sudi menaja dan menganjur bersama program Anugerah Komuniti Mampan pada tahun ini.

Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau dan penambahbaikan yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Prinsip LA 21 digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijadikan rujukan peserta adalah seperti:

- Kitar semula
- Pengasingan di punca (*Separation at source*)
- Kompos
- Eco Enzim

- Jus Enzim
- Penanaman pokok, pengindahan dan pembersihan kawasan
- Dusun Bandar
- Sesi pendidikan berkenaan dengan isu pembangunan mampan
- Kesedaran ke atas rancangan kemajuan, impak alam sekitar, social dan ekonomi
- Kesedaran dan penyertaan dalam program MPSP dan agensi lain
- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, bukit, sungai dan tasik
- Skim menganak-angkat kemudahan awam
- Skim pengawasan kejuruan dan kawalan keselamatan
- Sambutan Perayaan Hari Kebesaran
- Cintai kemudahan awam
- Gotong-royong
- Penyediaan kemudahan bagi kumpulan OKU dan warga emas
- Perwakilan dalam proses perundingan dan perbincangan ke atas isu kejuruan dan perbandaran
- Program sosial, jasmani, pendidikan dan kekeluargaan
- Pembaharuan kawasan kejuruan
- Program CSR, latihan keusahawanan dan penwujudan pekerjaan
- Skim komunikasi dalaman dan luaran dengan ahli, penduduk dan organisasi

- Pemasaran organisasi, kawasan kejiranan, inisiatif dan individu
- Lain-lain

Bagi aspek pemarkahan pula, secara ringkasnya ialah perancangan dan pengurusan, amalan sisa sifar, kebersihan dan penghijauan dan penglibatan komuniti.

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- | | | |
|----------------------------------|---|-----------|
| i - Perancangan dan pengurusan | - | 20 markah |
| ii - Amalan sisa sifar (4R) | - | 40 markah |
| iii - Kebersihan dan penghijauan | - | 20 markah |
| iv - Penglibatan komuniti | - | 20 markah |

Tarikh tutup untuk menghantar laporan oleh komuniti adalah pada 30 September 2015.

Penyertaan Anugerah Komuniti Mampan ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar, Rukuntetangga (KRT), Jawatankuasan Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK), Joint Management Body (JMB), Management Corporation (MC) dan Pusat Sumber Alam Sekitar. MPSP sedia memberi khidmat nasihat bagi mencapai hasrat komuniti mampan seperti yang terkandung dalam buku panduan Anugerah Komuniti Mampan.

Untuk makluman YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Semenjak Majlis melaksanakan Program Anugerah Komuniti Mampan, purata kutipan sisa organik untuk pengkomposan adalah 1.5 tan sehari. Ianya dikutip dari pasar, hotel, kilang, taman perumahan dan orang perseorangan. Komuniti yang mendapat lebih 30% penyertaan dalam kitar semula dan kutipan organik ialah Pangsapuri Taman Pandan, Pangsa Taman Tanjung Indah, Pangsapuri Palm Villas, Pangsapuri Park View, Taman Bagan Lalang dan Taman Tambun Indah. Majlis amat mengharapkan penyertaan menyeluruh dari komuniti. Untuk mencapai matlamat ini penduduk perlulah bekerjasama dengan MPSP untuk pengasingan sisa di punca mengikut 3 kategori iaitu, boleh dikitar semula, tidak boleh kitar semula dan sisa organik.

Antara komuniti yang kekal melaksanakan aktiviti seperti kitar semula, kebun kejiranan dan pengkomposan ialah seperti berikut:

- i. Taman Bagan Lalang
- ii. Taman Pandan
- iii. Taman Desa Damai
- iv. Taman Janggus Jaya
- v. Taman Keenways
- vi. Taman Gemilang / Semarak

- vii. Taman Tambun Indah,
- viii. Taman Bukit Panchor,
- ix. Permatang Nibong

Sebagai makluman semua juga, nilai hadiah tunai yang disediakan pada tahun ini meningkat iaitu sebanyak RM13,700.00 berbanding tahun lepas RM11,500.00. Pada tahun ini, hadiah-hadiah yang ditawarkan ialah seperti berikut:-

- Johan: RM3,000 dan sijil kepujian
- Naib johan: RM2,500 dan sijil kepujian
- Ketiga : RM2,000 dan sijil kepujian
- Inovasi Khas: RM700 dan sijil kepujian
- Saguhati: 11 hadiah RM500 dan sijil kepujian tiap-tiap satu

YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Beratan Sampah

a) Perbandingan Mengikut Tahun 2013 & 2014

TAHUN	BERATAN SAMPAH MPSP (TAN)	BERATAN SAMPAH MPPP (TAN)	JUMLAH (TAN)
2013	427,706.21	188,181.59	615,887.80
2014	434,174.59	192,493.89	626,668.48

b) Perbandingan Beratan Sampah MPSP Mengikut Bulan (Mac 2015)

BULAN / TAHUN	2013	2014	2015
JANUARI	31 182.0	37 322.36	43 207.93
FEBRUARI	30 859.0	29 696.47	36 009.31
MAC	36 202.0	34 643.17	35 498.41
JUMLAH	98 243 TAN	101 662.0 TAN	114, 805.55 TAN

KPI Kutipan Sampah

BUTIRAN	KEKERAPAN
Rumah Kediaman / Premis Perniagaan / Kilang (sisa domestik)	3 kali seminggu
Apartment / Kediaman Bertingkat (Strata)	1 kali setiap hari
Sekolah & IPT	1 kali setiap hari
Hospital	3 kali seminggu
Rumah Ibadat	3 kali seminggu
Pasar Awam / Kompleks MPSP	3 kali seminggu
Tong MPSP Tepi Jalan (MGB/CU)	1 kali setiap hari
Sampah Kebun / Sisa Pukul	1 kali setiap minggu

Sampah Haram

TAHUN	LOKASI SAMPAH HARAM YANG DISELESAIKAN
2013	136
2014	118
2015	72 (sasaran)

** Walaupun ada lokasi sampah haram yang telah diselesaikan, namun terdapat lokasi baru yang menjadi tapak sampah haram.

Langkah Menangani Isu Kebersihan Di Seberang Perai

- Sesi dialog bersama komuniti adalah medium untuk Majlis memberi maklumat berkenaan bidang tugas Majlis (Jabatan Perkhidmatan Perbandaran) dan kesalahan yang sering dilakukan penduduk.

- Pertandingan Taman Bersih diadakan untuk menaik taraf 7 taman kepada status taman bersih setiap tahun dan mengekalkan keadaan taman bersih tersebut pada tahun-tahun seterusnya.

- Program Kebersihan di Lokaliti Tumpuan, Majlis juga memberi tumpuan kepada kebersihan di kawasan tumpuan di Seberang Perai bersama-sama para peniaga setempat dan mengekalkan keadaan bersih di kawasan terbabit pada masa yang akan datang. Kawasan yang telah terbabit adalah kawasan Bandar Sunway (2013), Pekan Nibong Tebal (2014) dan Bandar Perda serta Kawasan Perniagaan Raja Uda bagi tahun 2015.

- Penguatkuasaan Undang-Undang

- i. Tahun 2013 – 928 kompaun yang dikeluarkan
- ii. Tahun 2014 – 2855 kompaun yang dikeluarkan
- iii. Tahun 2015 – 1247 kompaun yang dikeluarkan (Mei 2015)

Kesalahan yang sering dikompaun ialah :

- i. Tidak Menyediakan Tong Sampah
- ii. Meninggalkan Bahan Binaan Di Tempat Awam
- iii. Menutup / Menyekat Parit
- iv. Membuang Sampah Di Tempat Awam
- v. Menyimpan / Meninggal Barang Di Tempat Awam
- vi. Meletak Sampah Di Tempat Awam

Masyarakat di Seberang Perai juga boleh membantu menjadikan Seberang Perai bandar yang bersih melalui aktiviti gotong-royong

JADUAL GOTONG-ROYONG

BULAN / TAHUN	2013	2014	2015
JANUARI	11	23	61
FEBRUARI	21	28	28
MAC	24	51	46
APRIL	9	46	44
JUMLAH	68	148	181

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Choo Eng Hin, Pengarah Urusan Delta Business Solutions Sdn Bhd kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Komuniti Mampan pada tahun ini. MPSP sangat berbesar hati dan berharap Delta Business Solutions Sdn Bhd dapat terus menaja anugerah seperti ini di masa dan tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.